

Bab 6 : Pengukuhan Negara dan Bangsa Malaysia

(1) Langkah-Langkah Pembentukan Malaysia

a) JPPK

1. Jawatankuasa Perunding Perpaduan Kaum ditubuhkan di Singapura pada Julai 1961 & dipengerusikan oleh Donald Stephens.
2. JPPK berperanan menerangkan kepada orang ramai tentang gagasan Malaysia, mengumpulkan pandangan, menggalakkan kegiatan ke arah pembentukan Malaysia.

b) Mesyuarat

1. JPPK telah mengadakan mesyuarat sebanyak empat kali iaitu di Jesselton Sabah, Kuching Sarawak, Kuala Lumpur dan Singapura.

c) Memorandum

1. Dalam mesyuarat terakhir Februari 1962, JPPK bersepakat menghantar memorandum kepada Suruhanjaya Cobbold yang dibentuk oleh kerajaan British.

d) Kandungan

1. Memorandum ini mengandungi perkara penting yang memberi pertimbangan kepada pandangan masyarakat Sabah, Sarawak untuk dimasukkan ke dalam perlembagaan baru.

(2) Suruhanjaya Cobbold

a) Anggota

1. Pegawai British :
 - ✓ Lord Cobbold
 - ✓ Sir Anthony Abell
 - ✓ Sir David Watherston
2. Rakyat Tempatan :
 - Dato' Wong Pow Nee
 - Tan Sri Ghazall Shafie
3. Suruhanjaya memulakan tugas dari Feb – April 1962.
4. Membuat laporan kepada British pada Julai 1962.

b) Tujuan

1. Meninjau pendapat rakyat Sabah dan Sarawak tentang penubuhan Malaysia.
2. Membuat penilaian dan membuat cadangan.

c) Laporan

1. 1/3 penduduk Sabah dan Sarawak menyokong tanpa syarat, 1/3 mahu merdeka dahulu sebelum menyertai Malaysia.

d) Cadangan

1. Perlembagaan Malaysia harus berteraskan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.
2. Sabah dan Sarawak diberi kuasa menentukan dasar imigresennya.
3. Bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan.
4. Jaminan hak dan kedudukan bumiputera Sabah dan Sarawak.
5. Tarikh penubuhan Malaysia.

(3) Penubuhan Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK)

a) Anggota

1. JAK ditubuhkan pada Ogos 1962, dianggotai oleh wakil-wakil dari Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak.
2. Pengerusinya Lord Landsdowne (Menteri Negara bagi Tanah Jajahan) & dibantu oleh Tun Abdul Razak.
3. Mesyuarat diadakan sebanyak 24 kali.

b) Persetujuan

1. Menjelang Disember 1962, T.Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah bersetuju. Malaysia dibentuk pada 31 Ogos 1963.

(4) Penglibatan PBB Dalam Pembentukan Malaysia

a) Tentangan

1. Filippina & Indonesia terus menentang pembentukan Malaysia.
2. Satu pertemuan diadakan antara Tunku Abdul Rahman, Presiden Sukarno dan Presiden Macapagal di Manila dari 30 Julai – 5 Ogos 1963.

b) Penyelesaian

1. Hasil rundingan ketua kerajaan MAPHILINDO ditubuhkan.
2. MAPHILINDO bersetuju penyelesaian pembentukan Malaysia dibawa kepada PBB.

c) Jawatankuasa

1. Setiausaha Agung PBB U Thant menghantar wakilnya Lawrence Michaelmore dari Amerika.
2. 7 wakil dari Czechoslovakia, Argentina, Brazil, Ceylon, Pakistan, Jepun, Republik Arab Bersatu.

d) Meninjau

1. Mereka meninjau pendapat rakyat Sabah dan Sarawak.
2. Mereka mendapati majoriti rakyat Sabah dan Sarawak bersetuju menyertai Malaysia.

e) Tarikh

1. Tarikh penubuhan Malaysia ditunda pada 16 Sept 1963.
2. Hal ini disebabkan laporan PBB, tidak dapat disiapkan dengan segera.

(5) Perjanjian Malaysia

1. Ditandatangani di London pada 9 Julai 1963.
2. Beberapa peristiwa penting berlaku pada bulan Ogos 1963
 - ✓ Ratu Elizabeth II memperkenalkan Akta Malaysia yang diluluskan oleh Parlimen British.
 - ✓ Kelulusan Perjanjian Malaysia oleh Parlimen Tanah Melayu, Dewan Perhimpunan Singapura, Majlis Undangan Sabah dan Sarawak.
 - ✓ 26 Ogos 1963 Yang Di Pertuan Agong memperkenalkan Akta Malaysia.
3. Pada Sept. 1963, Malaysia ditubuhkan secara rasmi merangkumi T.Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak.

(6) Inti Pati Perjanjian Malaysia

1. Urusan hal ehwal luar tanggungjawab kerajaan pusat.
2. Islam agama persekutuan kecuali Sabah dan Sarawak.
3. Agama lain bebas diamalkan.
4. Bahasa Melayu menjadi bahasa Kebangsaan tetapi bahasa lain boleh digunakan.
5. Bagi Sabah dan Sarawak bahasa Inggeris adalah bahasa rasmi selepas 10 tahun hari Malaysia.
6. Sabah dan Sarawak berkuasa mengawal hal ehwal imigresen dan perkhidmatan awam.
7. Bagi kerusi Parlimen :
 - Sarawak : 24
 - Sabah : 16
 - Singapura : 15
8. Rakyat bumiputera Sabah dan Sarawak mendapat taraf yang sama dengan orang Melayu di Persekutuan Tanah Melayu.